

GARIS PANDUAN PENGUMPULAN, PENGESAHAN DAN CAPAIAN DATA DI PLATFORM DATA RAYA UNIVERSITI

1. Tujuan

Garis Panduan ini menjelaskan dan menetapkan prosedur pengumpulan, pengesahan, capaian data dan maklumat selaras dengan Polisi Perkhidmatan Data Raya UniSZA.

2. Tafsiran

Istilah/Singkatan	Keterangan
BDR	Bermaksud Bahagian Data Raya. BDR merupakan salah satu bahagian di bawah PPIR, yang berperanan mengurus dan melaksanakan kerja-kerja di Platform Data Raya
JKPDRU	Bermaksud Jawatankuasa Perkhidmatan Data Raya Universiti
Kategori Data	Bermaksud data yang dikumpulkan di dalam Platform Data Raya sama ada berstatus data terbuka, sulit, terhad, rahsia
KPTj	Bermaksud Ketua Pusat Tanggungjawab
OD	Bermaksud Operasi Definisi data
Platform Data Raya	Bermaksud satu ruangan/penyimpanan yang digunakan bagi mengumpulkan data dari pelbagai sumber
PPIR	Bermaksud Pusat Pengurusan Infostruktur & Rangkaian
Universiti	Bermaksud Universiti Sultan Zainal Abidin
URL	Bermaksud alamat laman web

3. Objektif

Objektif garis panduan ini adalah untuk memastikan data Universiti sentiasa tepat, terkini dan mudah diperolehi.

4. Pengumpulan Data dan Maklumat

Melibatkan aktiviti-aktiviti pengumpulan data dan maklumat di platform data raya. Ianya melibatkan pelbagai sumber termasuk sumber dalaman dan luaran. Data yang dikumpulkan terdiri daripada pelbagai jenis termasuk data berstruktur, semi struktur dan tidak berstruktur. Berikut adalah aliran proses bagi pengumpulan data dan maklumat.

4.1 Tatacara Permohonan Deposit Data di Platform Data Raya

Peranan	Proses Kerja	Keterangan
Mula		
PTj	Mengemukakan permohonan deposit data	- PTj mengemukakan permohonan untuk mendeposit data ke dalam platform perkhidmatan Data Raya. - Data boleh terdiri daripada pelbagai sumber sama ada daripada pangkalan data Universiti, google spreadsheet, miscrosoft excel, microsoft access dan lain-lain. - PTj perlu membekalkan data atau URL bagi data selain daripada pangkalan data Universiti
KPTj	Pengesahan KPTj	KPTj perlu membuat pengesahan bagi permohonan yang dibuat
Pengarah PPIR	Kelulusan	Pengarah PPIR menilai dan meluluskan atau tidak permohonan yang dibuat.
PPIR	Deposit data	Bahagian Data Raya perlu membangunkan algoritma cerdas bagi proses deposit data ke dalam platform Data Raya
PTj	Pengesahan data dan pengesahan capaian data	- Setelah data dimasukkan ke dalam platform Data Raya, PTj perlu membuat pengesahan berkaitan data yang dimasukkan. - PTj juga perlu menyatakan dan mengesahkan kategori data dan tahap capaian data.
Tamat		
Sila rujuk Lampiran 1 bagi Carta Alir Tatacara Permohonan Deposit Data di Platform Data Raya		

4.2 Tatacara pengumpulan data daripada pangkalan data Universiti

Peranan	Proses Kerja	Keterangan
Mula		
PPIR	Mengenalpasti keperluan data	- BDR perlu mengenalpasti keperluan data untuk dimasukkan ke dalam Platform Data Raya - Keperluan data adalah berdasarkan permintaan data dari agensi luar, Universiti dan lain-lain
PPIR	Membangunkan algoritma cerdas bagi tujuan pengumpulan data	- BDR perlu membangunkan algoritma cerdas bagi tujuan pengumpulan data - Algoritma cerdas perlu mengambil kira syarat dan OD data yang diperlukan
JKPDRU	Pengesahan data dan pengesahan capaian data	Data yang disimpan di dalam Platform Data Raya perlu disahkan, dikenalpasti Kategori Data dan capaian data di dalam mesyuarat JKPDRU
Tamat		
Sila rujuk Lampiran 2 bagi Carta Alir Tatacara pengumpulan data dari pangkalan data Universiti		

5. Panduan Capaian Data

Garis panduan ini digunakan bagi tujuan capaian data di platform data raya.

5.1 Tatacara permohonan capaian data

Peranan	Proses Kerja	Keterangan
Mula		
PTj	Permohonan capaian data	- PTj mengemukakan permohonan bagi capaian data yang berkaitan. - PTj mengemukakan OD bagi data yang berkaitan - Bagi data kategori selain data terbuka, PTj perlu mendapatkan kelulusan

		capaian data daripada pemilik data
KPTj	Sokongan KPTj	KPTj menyokong permohonan yang dibuat
Pengarah PPIR	Kelulusan Pengarah PPIR	Pengarah PPIR meluluskan permohonan
	Penyediaan capaian data	BDR membangunkan algoritma pintar dan menyediakan capaian data mengikut OD data
Tamat		
Sila rujuk Lampiran 3 bagi Carta Alir Tatacara Capaian Data		


6. Klasifikasi kategori data

Platform Data Raya terdiri daripada beberapa kategori data. Pemilik data perlu menyatakan kategori data yang disimpan di dalam Platform Data Raya. Berikut adalah kategori data:


Kategori Data	Capaian
Terbuka	Semua PTj boleh mengakses data ini dengan mengemukakan permohonan kepada PPIR
Terhad	- Hanya PTj atau individu di jabatan tertentu sahaja boleh mencapai data tersebut - Permohonan capaian data perlu dibuat kepada pemilik data
Sulit	- Melibatkan data peribadi dan sensitif - Hanya PTj atau individu di jabatan tertentu sahaja boleh mencapai data tersebut - Permohonan capaian data perlu dibuat kepada pemilik data
Rahsia Besar	Melibatkan keselamatan negara dan organisasi

PTj yang diberi capaian data bagi kategori data Terhad, Sulit dan Rahsia Besar perlu mengisi borang kerahsiaan data dan diserahkan kepada PPIR.

Lampiran 1 : Tatacara permohonan deposit data di Platform Data Raya



Lampiran 2: Tatacara pengumpulan data dari pangkalan data Universiti



Lampiran 3: Carta Alir bagi Tatacara Capaian Data

